

5.3 Penerangan terhadap asas psikologi dan emosi kanak-kanak

5.3.1 Psikologi kanak-kanak

Penting bagi setiap ibu bapa mengetahui asas psikologi kanak-kanak dibawah jagaan mereka. Terdapat sesetengah ibu bapa yang kurang peka terhadap psikologi kanak-kanak ini dan mendidik mereka secara kasar dan seterusnya menimbulkan perasaan takut terhadap kanak-kanak itu sendiri. Hal ini bukan sahaja merenggangkan hubungan antara anak dan ibu bapa, malah menyebabkan proses perkembangan kanak-kanak itu tadi terbantut.

Oleh yang demikian, sesi ini menyediakan peserta dengan asas psikologi kanak-kanak yang perlu difahami dan diambil perhatian oleh ibu bapa semasa mendidik kanak-kanak.

Antara psikologi kanak-kanak yang asas ialah;

- a) Bersifat manja dan ingin selalu dimanja dan dibelai
- b) Sentiasa inginkan perhatian daripada kedua ibu bapanya
- c) Tidak suka dipaksa dan lebih gemarkan pujukan
- d) Terangsang sekiranya mendapat ganjaran setelah melakukan sesuatu yang dipinta oleh ibu bapa
- e) Gemarkan pujian